

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

KAJIAN EMPAT DIMENSI PENGURUSAN BILIK DARJAH KE ARAH PEMBENTUKAN MODEL PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH

A STUDY OF FOUR DIMENSIONS OF CLASSROOM MANAGEMENT TOWARD MODEL FORMATION OF PRESCHOOL CLASSROOM MANAGEMENT

Noor Azman bin Hanif ¹

Mazlina binti Che Mustafa ²

Hamidah binti Yusof ³

¹ Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / National Child Development Research Centre, Sultan Idris Education University, Malaysia
Email: manhanif@yahoo.com.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Senior Lecturer, Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Malaysia
Email: mazlina.cm@fppm.upsi.edu.my

³ Profesor, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Profesor, Faculty of Management And Economics, Sultan Idris Education University, Malaysia
Email: hamidah.yusof@fpe.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/67>

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah. Empat dimensi utama yang menjadi fokus dalam model pengurusan bilik darjah prasekolah adalah pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, pengurusan perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti, pengurusan tingkah laku kanak-kanak dalam bilik darjah dan pengurusan perhubungan dan interaksi. Persekitaran fizikal dan susun atur bilik darjah prasekolah yang diuruskan oleh guru prasekolah masih kurang menggalakkan pembelajaran kanak-kanak. Bahan pembelajaran yang disediakan juga kurang sesuai dan kurang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Dapatan analisis keperluan akan dapat membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan yang melibatkan fasa analisis keperluan,

fasa rekabentuk dan pembangunan model dan fasa penilaian kebolegunaan model. Dapatan temu bual dalam fasa analisis keperluan menunjukkan persekitaran bilik darjah prasekolah diuruskan mengikut cara sendiri dan tiada panduan atau model yang digunakan. Sebagai kesimpulannya, pengkaji mencadangkan supaya kajian analisis keperluan dijalankan terhadap guru-guru tadika dibawah seliaan KEMAS, guru-guru Tadika Perpaduan dan juga guru-guru dari tadika swasta.

Kata Kunci : Model, pengurusan, prasekolah, dimensi, rekabentuk, pembangunan

Abstract

The purpose of this study was to develop a preschool classroom management development model based on four dimensions of classroom management. The four key dimensions that focuses on preschool classroom management model are physical classroom management, planning management and implementation of programs/activities, classroom behaviour management and relationship and interaction management. The physical environment and layout of the preschool classroom managed by the preschool teachers still do not encourage children's learning. The learning materials provided are also not suitable and not used for teaching and learning purposes. Therefore, the study aims to identify the needs of preschool teachers in managing preschool classrooms. The needs analysis will enable the development of a classroom management model based on four dimensions of classroom management. This study uses design and development research approaches involving the needs analysis phase, the design and model development phase and the usability evaluation model phase. The findings of the interview in needs analysis phase shows that the preschool classroom environment was managed in its own way and no guidance or model was used. In conclusion, the researcher recommends needs analysis to be conducted toward KEMAS undergraduate teachers, Unity (Perpaduan) kindergarten teachers and also those who are coming from private kindergartens.

Keywords: model, management, preschool, dimension, design, development

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 9th January 2020, revised 27th January 2020, accepted 8th February 2020

Pengenalan

Brophy (1999)¹ mendefinisikan pengurusan bilik darjah sebagai tindakan bagi menjamin kejayaan pengajaran yang termasuk di dalamnya susunan persekitaran fizikal, membangunkan prosedur dan undang-undang serta mengekalkan penglibatan kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan menyumbang kepada pencapaian akademik dan sahsiah yang lebih tinggi. Faktor utama dalam pengurusan bilik darjah yang berkesan ialah

perancangan rapi dan pengurusan yang perlu dilaksanakan oleh guru prasekolah terutamanya dalam menyediakan pusat pembelajaran di bilik darjah prasekolah seperti yang dinyatakan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010)². Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah menetapkan peranan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh guru prasekolah di bilik darjah prasekolah melalui Standard Pengajaran dan Pembelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010)². Tugas yang paling penting bagi seorang guru dalam persekitaran bilik darjah adalah yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah. Pembelajaran dan pengajaran tidak boleh berlaku di dalam bilik darjah yang disalah urus (Marzano, 2003)³. Ini kerana, bilik darjah yang diurus dengan baik membolehkan pelajar menetapkan matlamat peribadi, aktif mengumpul dan mengurus maklumat yang diperlukan, mengawal dan menilai pembelajaran sendiri dan seterusnya berkemampuan memberikan maklum balas pengalaman peribadi dalam pelbagai persekitaran dan konteks sosial pengajaran dan pembelajaran (Brown & Campione, 1996; Wilson, 1995)^{4,5}. Pengurusan bilik darjah merangkumi tindakan guru untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan kanak-kanak (Evertson & Weinstein, 2006)⁶. Persekitaran bilik darjah yang baik dan berkualiti akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam keadaan yang selesa dan menyeronokkan (Che Nidzam et al., 2010)⁷.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Persoalan kajian yang perlu dijawab untuk mencapai objektif kajian ini ialah apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah, menguruskan perancangan dan pelaksanaan, menguruskan hubungan dan interaksi dan menguruskan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak.

Metodologi Kajian

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan tatacara pelaksanaan penyelidikan ini. Berdasarkan fasa-fasa yang terdapat dalam Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan, model pengurusan bilik darjah prasekolah akan dibangunkan bagi membantu guru prasekolah KPM dalam pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan. Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan tentang metodologi kajian yang merangkumi fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan dan fasa penilaian kebolegunaan model.

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research - DDR Approach*) yang telah diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007)⁸. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Asas pembangunan model tersebut adalah berdasarkan dapatan temu bual, dapatan kesepakatan pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* atau dikenali sebagai *Fuzzy Delphi Method* (FDM) dan dapatan penilaian kebolegunaan model menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai atau *Modified Nominal Group Technique* (NGT).

Berdasarkan keterangan tersebut, kajian ini akan dijalankan dalam tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan model dan akhir sekali fasa penilaian kebolegunaan model. Fasa analisis keperluan merupakan fasa I yang dijalankan menggunakan

kaedah temu bual untuk melihat keperluan guru terhadap pengurusan bilik darjah prasekolah. Kaedah analisis keperluan yang dijalankan dalam fasa I kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan serta isu yang dihadapi oleh guru prasekolah bagi tujuan membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah. Setelah memperolehi dapatan analisis keperluan, pengkaji melaksanakan fasa seterusnya iaitu fasa pembangunan model yang merupakan fasa II dalam kajian ini.

Fasa III iaitu fasa penilaian kebolegunaan model di mana hasil penilaian diperolehi daripada sekumpulan pengguna model yang terdiri daripada guru-guru prasekolah yang berpengalaman. Bagi memperolehi maklumat kebolegunaan model, kajian fasa III akan menggunakan teknik *Nominal Group Tehnique* (NGT) atau Teknik Kumpulan Nominal yang diubahsuai (*modified*). Teknik tersebut digunakan untuk menilai kebolegunaan model pengurusan bilik darjah prasekolah yang berkesan yang dibangunkan berasaskan empat dimensi pengurusan bilik darjah setelah kandungan model yang dibangunkan tersebut mendapat kesepakatan dan disahkan oleh kumpulan pakar FDM. Penilaian kebolegunaan model ini dilaksanakan oleh sekumpulan guru prasekolah yang berpengalaman selama sepuluh tahun dari pelbagai latarbelakang sekolah.

Dapatan kajian

Berdasarkan dapatan temu bual dalam fasa I iaitu analisis keperluan, keperluan menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah KPM ditinjau dari aspek model yang digunakan sebagai panduan oleh responden. Hasil temu bual menunjukkan, responden telah memberi pandangan yang berbeza dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah. Majoriti responden yang berpengalaman mengajar prasekolah melebihi sepuluh tahun mengurus bilik darjah prasekolah tidak menggunakan sebarang dokumen sebagai panduan untuk membantu mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah supaya lebih berkesan terhadap pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Jadual 1

Analisis Temu Bual Keperluan Guru Prasekolah dalam Menguruskan Ruang dan Persekitaran Yang Selamat Di Bilik Darjah Prasekolah

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Apakah panduan yang digunakan oleh guru dalam menguruskan ruang dan persekitaran yang selamat di bilik darjah prasekolah ?	Pengalaman belajar	R.1. Saya menguruskan ruang dan persekitaran bilik darjah ini berdasarkan pengalaman semasa saya belajar di institut perguruan dulu.
		Pengetahuan melalui kursus	R.2. Panduan mungkin melalui kursus, yang mangatakan bagaimana nak menyediakan ruang bilik darjah. Tak ada dokumen panduan tapi dalam kursus dinyatakan. Sekadar <i>knowlege</i>
		menghadiri kursus	R.3 Ada...panduan ada...panduan susun atur kelas lah. Panduan yang dapat masa kita pergi kursus.
		perbincangan	R.4 Sebenarnya saya lebih banyak berbincang dengan Pembantu Pengurusan Murid untuk pengurusan kelas.
		Cara sendiri	R.5 Kami guna cara kami sendiri untuk menguruskan ruang di prasekolah ni. Tidak ada panduan digunakan.
		KSPK sebagai panduan	R.6 Saya gunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Maksudnya saya gunakan panduan buku yang diberi.

Berdasarkan Jadual 1, hasil temu bual dua responden iaitu responden 2 (R.2) dan responden 3 (R.3) yang merupakan jurulatih utama prasekolah daerah mendapati mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah hanya berdasarkan pengetahuan yang mereka perolehi semasa menghadiri kursus yang diadakan. Manakala dapatan hasil temu bual daripada responden 5 (R.5) yang juga merupakan seorang jurulatih utama prasekolah daerah mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolahnya tidak berdasarkan pengetahuan yang diperolehi semasa menghadiri kursus tetapi mengikut cara sendiri tanpa panduan yang khusus untuk mengurus persekitaran fizikal prasekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Dapatan temu bual ini menunjukkan, walaupun tiga responden (R.2, R.3 & R.5) yang di temu bual masing-masing merupakan Jurulatih Utama Prasekolah daerah, masih terdapat perbezaan antara mereka dalam menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah.

Selain itu, dapatan hasil temu bual responden 4 (R.4) yang merupakan seorang Guru Cemerlang Prasekolah bukan siswazah berpendapat bahawa responden mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah berdasarkan keputusan yang dibuat dalam perbincangan responden

bersama dengan Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Berbeza pula dapatan hasil temu bual terhadap responden 6 (R.6) yang merupakan guru prasekolah berpengalaman mengajar di prasekolah selama sepuluh tahun. Hasil temu bual mendapati, R.6 mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah menggunakan dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Ini menunjukkan, R.6 telah menggunakan dokumen panduan yang kurang tepat sebagai panduan untuk mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah. Bagi responden R.1 pula iaitu pernah menerima gelaran Prasekolah Cemerlang Perak, mendapati responden mengurus ruang dan persekitaran bilik darjah prasekolah hanya berdasarkan pengalaman responden semasa menuntut di Institut Perguruan sepuluh tahun yang lepas.

Jadual 2

Analisis Temu Bual Keperluan Guru Prasekolah dalam Menguruskan Perabot di Bilik Darjah Prasekolah

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Persekitaran Fizikal	Adakah guru menggunakan dokumen panduan untuk menguruskan perabot di bilik darjah Prasekolah ?	Pembelajaran sendiri	R.1. Dokumen panduan tidak ada. Susun atur perabot berdasarkan pembelajaran sendiri.
		Merancang sendiri	R.2. Dokumen paduan selalunya menggunakan panduan yang saya buat sendiri. Nak dapat panduan daripada orang lain tu tak ada la. Jadi saya rancang sendiri lah.
		Keputusan sendiri	R.3 Panduan mengurus perabot tidak ada. Kalau kursus dulu tu mungkin ada. Faktor pertama saya tengok perabot dan banyak mana perabot. Kemudian buat keputusan nak susun macam mana.
		Keputusan Perbincangan	R.4 Setakat ini memang tidak ada guna dokumen panduan. Saya berbincang dengan PPM dan kami susun.
		Melihat contoh kelas rakan	R.5 Panduan menguruskan perabot tidak ada. Sebab saya dah tengok dah dan pergi kebanyakan kelas kadang-kadang ada susun buat macam petak-petak.
		Pengetahuan semasa belajar	R.6 Kursus ikhtisas prasekolah telah saya tinggalkan lebih kurang 11 tahun. Saya gunakan pengalaman semasa belajar. Perlu buku panduan sebab saya sudah tinggalkan lama.

Berdasarkan Jadual 2, penyelidik menemubual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk menjawab persoalan kajian iaitu apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perabot di bilik darjah prasekolah. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual yang terdapat dalam Jadual 2 majoriti responden yang terdiri daripada guru prasekolah yang berpengalaman mengajar selama lebih sepuluh tahun mengurus perabot di bilik darjah prasekolah mereka berdasarkan keputusan sendiri dan tidak berdasarkan panduan bagi memudahkan responden mengurus susun atur perabot supaya dapat memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran serta keperluan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Selain itu, R.1, R.2 dan R.3 mengurus susun atur perabot di bilik darjah prasekolah dengan mempelajari dan merancang sendiri tanpa berdasarkan panduan yang berkaitan pengurusan perabot di bilik darjah prasekolah. Selain itu, R.3 mengurus perabot di bilik darjah prasekolahnya ialah dengan mengambilkira perabot yang terdapat di bilik darjah terlebih dahulu sebelum membuat keputusan menyusun atur perabot.

Hasil temu bual daripada R.4 iaitu seorang Guru Cemerlang Prasekolah bukan siswazah yang berpengalaman mengajar lebih sepuluh tahun mendapati, responden mengurus perabot di bilik darjah prasekolah dengan membuat keputusan sendiri melalui perbincangan bersama PPM sebelum membuat keputusan untuk menyusun atur perabot di bilik darjah prasekolah. Berdasarkan Jadual 2, hasil temu bual responden R.5 iaitu responden yang merupakan seorang Jurulatih Utama prasekolah dan berpengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun tidak menggunakan dokumen panduan untuk menyusun atur dan mengurus perabot di bilik darjah prasekolah. Responden menjadikan contoh susun atur perabot di beberapa bilik darjah prasekolah rakan-rakan yang dilawati untuk dijadikan panduan mengurus susun atur perabot di bilik darjah prasekolah. Selain itu, hasil temu bual responden R.6 mendapati, responden berpendapat dokumen panduan mengurus perabot di dalam bilik darjah prasekolah adalah perlu untuk membantu kerana ilmu pengetahuan yang dipelajari semasa kursus ikhtisas prasekolah telah lama iaitu melebihi sepuluh tahun.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual menunjukkan panduan mengurus persekitaran fizikal dari aspek pengurusan susun atur perabot di bilik darjah prasekolah oleh semua responden masih belum ada sebagai panduan mengurus kepada responden. Responden R.6 berpendapat, dokumen panduan mengurus perabot adalah diperlukan bagi memudahkan responden mengurus perabot di bilik darjah prasekolah supaya dapat memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran serta mematuhi keperluan kanak-kanak semasa melaksanakan aktiviti di bilik darjah prasekolah.

Jadual 3

Analisis Temu Bual Keperluan Guru Prasekolah dalam Menguruskan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti / Program	Apakah aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah ?	Berkumpulan dan Bertema	R.1. Saya menggunakan aktiviti kumpulan dan juga bertema dalam masa yang sama pilih tema yang sesuai dan aktiviti dijalankan bersama-sama.
		Eksperimen	R.2. Selalunya yang membuatkan mereka sangat aktif ni kalau kita tengok dari segi kalau kita buat macam eksperimen-eksperimen sains. Dalam eksperimen sains ni contohnya macam bahan-bahan yang timbul atau tenggelam/jadi mereka nak tahu kenapa tenggelam dan kenapa timbul. Jadi mereka berfikir.
		Menyeronokkan	R.3 Aktiviti yang menyeronokkan, aktiviti yang merangsang pemikiran macam aktiviti menyanyi kita bagi la dia menyanyi.
		Individu dan kumpulan	R.4 Maknanya banyak kepada aktiviti individu, kelas dan juga kumpulan. Dan juga tengok juga aktiviti diluar bilik darjah.
		Kumpulan dan projek	R.5 Aktiviti kumpulan, buat projek tanam bawang. Budak-budak tu tanam hari ni kemudian mereka pergi melihat.
		Penggunaan ICT	R.6 Aktiviti itu kena libatkan dengan penggunaan ICT. Diorang memang fokus ke arah yang tu.

Berdasarkan Jadual 3, penyelidik menemu bual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk menjawab persoalan kajian iaitu apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual seperti dalam Jadual 3 menunjukkan responden R.1, R.4 dan R.5 mempunyai pendapat yang sama iaitu aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah ialah melalui kaedah kumpulan, individu dan juga kaedah projek. Hasil temu bual tersebut menunjukkan, responden tidak menyatakan aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak tetapi menyatakan kaedah yang boleh dilaksanakan oleh responden. Selain itu, hasil temu bual yang diperolehi daripada responden R.1 menyatakan aktiviti

yang dilaksanakan mengikut tema adalah lebih sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak jika dilaksanakan bersama aktiviti dalam kumpulan.

Dapatan temu bual tersebut berbeza dengan pandangan responden R.2, R.3 dan R.6 berkaitan aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Responden R.2 yang berpengalaman mengajar prasekolah selama enam tahun berpendapat kanak-kanak akan aktif sekiranya dilibatkan dengan aktiviti yang berbentuk eksperimen sains. Responden R.2 juga menyatakan, aktiviti yang berbentuk eksperimen sains boleh menimbulkan perasaan ingin tahu dan juga dapat membuatkan kanak-kanak berfikir semasa melaksanakan aktiviti sains yang dilakukan.

Dapatan temu bual daripada responden R.3 yang merupakan jurulatih utama prasekolah pula mendapati, aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak ialah aktiviti yang dapat menyeronokkan kanak-kanak. Responden R.3 juga menyatakan, aktiviti yang menyeronokkan seperti aktiviti menyanyi akan dapat merangsang pemikiran kanak-kanak. Selain itu, hasil temu bual responden R.6 yang pernah menerima Anugerah Prasekolah Lima Bintang berpendapat aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak ialah aktiviti yang perlu melibatkan kanak-kanak dengan penggunaan ICT. Responden juga berpendapat, kanak-kanak yang merupakan generasi ke arah penggunaan ICT akan lebih berfokus dengan penggunaan ICT semasa melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 3 menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menyatakan pandangan yang berbeza. Pandangan responden lebih bersifat umum mengenai aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam bilik darjah. Responden yang di temu bual hanya dapat menyatakan kaedah yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Jadual 4

Analisis Temu Bual Keperluan Guru Prasekolah dalam Menguruskan Hubungan dan Interaksi

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Hubungan Dan Interaksi	Bagaimanakah guru manggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak ?	Kelompok murid aktif dan tidak aktif	R.1. Biasanya saya akan susun atur, murid yang agak aktif dan yang banyak cakap akan letak dengan murid yang kurang bercakap. Lama kelamaan murid yang kurang bercakap akan bercakap. macam tu la sebelum ni.
		hubungan yang baik	R.2. Selalunya saya suka satu keadaan kanak-kanak suka bergaduh. Jadi akan betulkan keadaan tu. Saya akan minta mereka salam dan minta maaf.
		Guru bersama murid	R.3 cikgu kena macam kanak-kanak juga. Contohnya kita kena menyelami dunia kanak-kanak, cari kesukaan dia, Kita pun kena sama-sama dengan diorang juga.
		Wujudkan komunikasi	R.4 contoh bab membaca saya panggil murid yang ok dengan yang tak berapa ok salah satu interaksi la. Atau pun kita berbual dulu secara rawak, kita tanya dulu sorang-sorang akan bagi jawapan walaupun jawapan salah.
		Kelompok murid pandai dengan tidak pandai	R.5 dalam satu kumpulan saya tak letak pandai semua saya letak campur. Dalam kelas saya ada tujuh orang lima tahun. Diorang tahu dalam kelas ni yang lima tahun tu macam adik-adik.
		Memotivasi murid yang pasif	R.6 Biasanya ada tiga orang cakap pelat jadi dan dua tiga orang jenis pasif. saya akan panggil bila buat salah. Ada dua diorang rasa rendah diri tapi sekarang bila saya nak diorang baca kat depan dengan betul kawan-kawan tepuk tu dia dah seronok. Saya nasihatkan supaya jangan gelak.

Berdasarkan Jadual 4, penyelidik menemubual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk menjawab persoalan kajian iaitu apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan hubungan dan interaksi. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual seperti dalam Jadual 4 mendapati responden R.1 dan R.5 menyatakan pandangan yang sama untuk menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak. Responden R.1 dan R.5 berpendapat untuk menggalakkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak ialah dengan menempatkan kanak-kanak yang pelbagai tahap. Responden R.1 menyatakan kanak-kanak yang kurang aktif bercakap lama kelamaan boleh menjadi aktif bercakap dengan cara

menempatkan kanak-kanak yang kurang aktif bercakap bersama dengan kanak-kanak yang aktif bercakap dalam satu kumpulan di bilik darjah prasekolah. Selain itu, responden R.5 menyatakan jika menempatkan kanak-kanak yang pandai dan kanak-kanak yang kurang pandai bersama dalam satu kumpulan di bilik darjah prasekolah akan dapat membantu kanak-kanak berinteraksi dengan lebih aktif.

Hasil temu bual responden R.2, R.3, R.4 dan R.6 memberikan pandangan yang berbeza bagi soalan temu bual iaitu bagaimana guru menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Responden R.2 berpendapat cara guru menggalakkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak ialah dengan membetulkan keadaan jika kanak-kanak bergaduh sesama sendiri. Responden R.2 berpendapat, guru perlu membetulkan keadaan sekiranya kanak-kanak bergaduh sesama mereka dengan memastikan kanak-kanak bermaafan sesama mereka. Responden R.2 berpendapat tindakan guru membetulkan keadaan sekiranya kanak-kanak bergaduh sesama mereka akan dapat menggalakkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak.

Hasil temu bual, responden R.3 berpendapat untuk menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah guru perlu menyelami dunia kanak-kanak dan turut serta bersama kanak-kanak semasa aktiviti bagi menggalakkan kanak-kanak berinteraksi. Selain itu, responden R.3 juga berpendapat menggalakkan interaksi dalam kalangan kanak-kanak guru perlu mengetahui aktiviti yang menjadi kesukaan kanak-kanak. Hasil temu bual, responden R.4 guru kategori bukan siswazah serta berpengalaman mengajar lebih sepuluh berpendapat untuk menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah adalah melalui membaca dan guru mengajak kanak-kanak berbual terlebih dahulu sebelum membaca.

Hasil temu bual responden R.6 menyatakan, galakan dan motivasi daripada kawan-kawan kepada kanak-kanak yang pasif dan kanak-kanak yang bercakap pelat boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut merasa seronok apabila diberi peluang bercakap di hadapan. Responden R.6 juga berpendapat, peranan guru memastikan kanak-kanak yang pasif dan kanak-kanak bercakap pelat tidak diketawakan juga boleh menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 4 menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menyatakan pandangan yang berbeza dan lebih bersifat umum. Kesemua responden yang ditemu bual juga tidak menyatakan panduan yang digunakan oleh responden. Responden memberi pendapat sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana dokumen yang boleh dijadikan panduan kepada responden bagi menyokong pendapat responden dalam menguruskan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.

Jadual 5

Analisis Temu Bual Keperluan Guru Prasekolah dalam Menguruskan Pengurusan Tingkahlaku Kanak-Kanak

Tema	Soalan Temu Bual	Kod (pentafsiran)	Pernyataan Temu Bual
Pengurusan Tingkah Laku	Bagaimanakah guru membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah ?	berdasar tingkahlaku murid	R.1. Peraturan biasanya berdasarkan tingkahlaku murid contohnya murid yang suka berlari, bertolak-tolak di dalam tandas. Memberi arahan sila beratur jangan bertolak.
		Murid Tidak Boleh baca	R.2. Tak ada kerana murid belum boleh membaca lagi. Kalau ikutnya mesti lah peraturan itu dipamerkan. Di dalam kelas saya tak ada.
		Amalan tatacara	R.3 Saya bagi contoh boleh ?. contoh dalam penggunaan tandas, peraturannya budak mesti bila dah gunakan tandas mesti pam, lepas tu kena cuci tangan dulu, lepas tu boleh keluar sambung buat aktiviti. Peraturan untuk buat aktiviti bacaaan. bila dah guna simpan balik. Macam tu la peraturannya.
		Amalan tatacara	R.4 Selalunya murid awal-awal masuk disiplin memang out. Tetapi plan-plan kita bentuk. Kita kena cerita dengan budak-budak ni. Kena cerita betul-betul ...masuk tandas jangan berlari..contoh dah masuk duduk dalam kumpulan.
		Murid Tidak Boleh baca	R.5 Bagi taklimat dulu kat budak-budak. Peraturan tu bukan depa boleh baca pun. Kita kena bagi terang kat depa. Kemudian kena pantau la peraturan tu dia buat tak.
		Tiada keperluan	R.6 Jika peraturan perlu dipamerkan dengan syarat budak tahu baca. Saya boleh buat peraturan tapi kalau saya buat peraturan siapa yang akan baca saya ke ?. Peraturan untuk budak supaya mudah baca

Berdasarkan Jadual 5, pengkaji menemubual dan menginterpretasikan data temu bual enam responden untuk menjawab persoalan kajian iaitu apakah keperluan guru prasekolah dalam menguruskan pengurusan tingkahlaku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Dapatan temu bual berdasarkan soalan temu bual seperti dalam Jadual 4.7. Hasil temu bual responden R.1, guru membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah

berdasarkan tingkahlaku kanak-kanak semasa berada di bilik darjah dan memberi arahan kepada kanak-kanak.

Hasil temu bual responden R.2 dan R.5 yang merupakan guru siswazah dan jurulatih utama prasekolah berpendapat tiada keperluan guru prasekolah membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Selain itu, pendapat responden R.2 dan R.5, tiada keperluan membentuk peraturan dan mempamerkan peraturan tersebut kerana murid prasekolah tidak boleh membaca. Hasil temu bual terhadap responden R.6 iaitu seorang guru prasekolah siswazah yang berpengalaman mengajar di prasekolah selama lebih sepuluh tahun juga memberi pandangan yang sama. Tiga responden tersebut (R.2, R.5 dan R.6) berpendapat tidak ada makna peraturan disediakan dan dipamerkan sekiranya kanak-kanak tidak boleh membaca kerana peraturan yang disediakan adalah untuk kanak-kanak.

Selain itu, hasil temu bual responden R.3 dan R.4 mendapati, walaupun kedua-dua responden mempunyai latarbelakang yang berbeza iaitu guru prasekolah siswazah dan guru prasekolah bukan siswazah namun responden mempunyai pandangan yang sama berkaitan keperluan guru prasekolah membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Hasil temu bual responden R.3 dan R.4, iaitu dengan memberi contoh masuk dan menggunakan tandas di prasekolah guru prasekolah memberi penegasan terhadap amalan tatacara kanak-kanak masuk dan menggunakan tandas. Responden juga berpendapat, amalan tatacara merupakan peraturan yang telah sedia ada pada kanak-kanak. Pandangan responden R.3 dan R.4 menunjukkan terdapat perbezaan pendapat dengan responden R.2, R.5 dan R.6.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual seperti dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat responden yang ditemu bual memberikan pandangan yang sama dan terdapat responden yang memberikan pandangan yang berbeza. Responden yang ditemu bual tidak menyatakan bagaimana membentuk peraturan untuk mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah supaya memudahkan guru mengurus bilik darjah yang berfokuskan tingkahlaku kanak-kanak. Responden yang ditemu bual juga tidak menyatakan terdapat dokumen atau panduan yang boleh digunakan untuk membentuk peraturan bagi memudahkan guru menguruskan tingkahlaku kanak-kanak.

Rumusan keseluruhannya dapatan analisis keperluan menunjukkan, kesemua responen menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah tidak berdasarkan panduan yang jelas untuk membantu guru untuk mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah dari segi ruang, susun atur perabot dan juga pusat pembelajaran supaya bilik darjah prasekolah dapat diurus dengan lebih berkesan dan dapat membantu pembelajaran kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka. Responden lebih memilih untuk mengurus persekitaran mengikut keputusan sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi sama ada melalui kursus atau semasa belajar. Selain itu, terdapat juga responden bilik darjah prasekolah berdasarkan contoh bilik darjah prasekolah rakan-rakan.

Dapatan temu bual mendapati, pelbagai cara responden menguruskan bilik darjah prasekolah. Kaedah perbincangan menjadi pilihan responden dalam membuat keputusan sebelum mengurus persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah tanpa merujuk panduan dalam mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Selian itu, rumusan keseluruhan analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah juga menunjukkan terdapat juga persamaan dalam kalangan

responden dalam mengurus bilik darjah prasekolah iaitu responden menguruskan bilik darjah prasekolah berdasarkan perbincangan, pandangan dan menggunakan cara tersendiri untuk mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah.

Oleh itu, berdasarkan rumusan yang dibuat menunjukkan satu model pengurusan bilik darjah prasekolah perlu diwujudkan supaya dapat membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah dengan lebih berfokus dan dapat menjadikannya sebagai satu indikator atau panduan mengurus bilik darjah prasekolah yang lebih berkesan.

Keputusan dan Perbincangan

Perbincangan mengenai analisis keperluan ini merangkumi empat dimensi pengurusan bilik darjah iaitu pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah, pengurusan perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program, pengurusan hubungan dan interaksi serta pengurusan tingkah laku. Hasil dapatan ini akan dapat mengenalpasti keperluan membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah berasaskan empat dimensi bilik darjah.

Pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah Prasekolah

Berdasarkan jawapan responden terhadap tiga soalan temu bual tersebut analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan ruang dan persekitaran bilik darjah prasekolah menunjukkan kesemua responden yang ditemu bual telah menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah tanpa menggunakan sebarang dokumen atau model sebagai panduan atau indikator untuk mereka menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Penggunaan dokumen panduan yang mengandungi komponen dan elemen mengurus bilik darjah prasekolah sebagai panduan mengurus oleh guru prasekolah boleh memberi pengetahuan dan kefahaman kepada guru prasekolah mengenai elemen yang diperlukan ada dalam mengurus bilik darjah mengikut perkembangan kanak-kanak dan juga kehendak KPM mengenai bilik darjah prasekolah dari semasa ke semasa. Pengetahuan dan kefahaman guru dalam menguruskan bilik darjah ini selari dengan dapatan kajian Hill, Rowan dan Ball (2015)⁹ menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru adalah lebih penting daripada persiapan guru untuk mengajar. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl 2017)¹⁰.

Dapatan kajian keperluan ini juga telah memberi gambaran kepada pengkaji, pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun dan juga sebagai Jurulatih Utama dan Guru Cemerlang belum dapat menunjukkan responden seorang yang berkemahiran dan berpengatahuan dalam menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah. Kurangnya kemahiran dan pengetahuan telah menyebabkan responden menguruskan persekitaran bilik darjah prasekolah mengikut idea sendiri dan mengurus dengan cara yang berbeza mengikut cara masing-masing tanpa berpandukan dokumen atau model sebagai panduan mengurus persekitaran bilik darjah prasekolah. Hal ini dilihat bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013)¹¹ bahawa faktor kemahiran guru merupakan faktor utama (berbanding pengalaman guru) dalam menguruskan bilik darjah prasekolah yang berkesan. Kajian yang dijalankan oleh Manning dan Bucher, (2013)¹¹ membuktikan guru tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah menghadapi masalah kesukaran mengawal murid di dalam bilik darjah. Kajian turut mencatatkan bahawa guru

tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah akan berhadapan masalah kesukaran mengarahkan murid (Manning & Bucher, 2013; Hicks, 2012)^{11,12}.

Pengurusan Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti/Program

Analisis kandungan temu bual terhadap soalan temu bual menunjukkan kesemua responden yang di temu bual telah memberikan pandangan yang berbeza. Pandangan responden lebih bersifat umum mengenai aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam di bilik darjah prasekolah. Responden yang di temu bual hanya dapat menyatakan kaedah yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan guru-guru prasekolah yang di temu bual masih belum mempunyai pengetahuan yang baik dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah prasekolah. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Sofiah dan Kamarul, (2016)¹³. Pengetahuan guru tentang perkembangan kanak-kanak sangat penting agar guru dapat menyediakan persediaan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sesuai dan menepati bagi setiap kanak-kanak (Sofiah & Kamarul, 2016)¹³. Ada juga guru prasekolah yang berpengetahuan dari segi menyediakan keperluan mengajar tetapi masih menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan murid (Abdul Halim 2014)¹⁴.

Pengurusan Hubungan Dan Interaksi

Item yang dibincangkan dalam soalan temu bual mengenai hubungan dan interaksi kanak-kanak melibatkan item berkaitan amalan interaksi guru dengan kanak-kanak dan juga interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak. Item-item berkaitan interaksi guru dengan kanak-kanak yang dibincangkan mempunyai kaitan dengan keperihatinan guru dalam mewujudkan hubungan dan interaksi terhadap minat, keperluan dan perihatin guru terhadap perkembangan kanak-kanak. Aspek keperihatinan terhadap minat, keperluan dan perkembangan kanak-kanak telah dapat melihat sejauh mana pengurusan guru mewujudkan interaksi antara guru dengan kanak-kanak dalam aspek pengurusan hubungan dan interaksi dalam bilik darjah prasekolah. Hal ini menunjukkan persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Copple dan Bredekamp, (2009)¹⁵ iaitu bagi memastikan pengurusan perhubungan dan interaksi yang berkesan dalam bilik darjah prasekolah, guru perlulah sentiasa mengawasi kanak-kanak dan membina interaksi dengan kanak-kanak dan interaksi sesama kanak-kanak (Copple & Bredekamp, 2009; Harms, Clifford & Cryer, 2005)^{15,16}.

Selain itu, item yang dibincangkan adalah berkaitan dengan maklum balas konstruktif, pujian/galakan terhadap input kanak-kanak yang berlaku di dalam bilik darjah prasekolah untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi secara aktif. Manakala bagi aspek interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak pula item yang dibincangkan adalah menyentuh amalan mengenai interaksi kanak-kanak secara aktif di dalam dan di luar bilik darjah, sikap semasa melaksanakan aktiviti sama ada secara individu atau secara kumpulan di dalam bilik darjah, dan bagaimana kanak-kanak dapat mewujudkan hubungan sesama kanak-kanak semasa interaksi.

Analisis temu bual melalui soalan temu bual mengenai bagaimanakah guru menggalakkan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak menunjukkan ke semua

responden telah memberikan pandangan yang berbeza dan lebih bersifat umum dan juga tiada panduan yang digunakan oleh responden. Responden memberi pendapat sendiri tanpa menyatakan panduan atau mana-mana dokumen atau model yang boleh dijadikan panduan oleh responden bagi menyokong pendapat responden sendiri dalam menguruskan hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Pandangan yang berbeza dalam menguruskan hubungan dan interaksi kanak-kanak memberikan gambaran bahawa guru prasekolah memerlukan satu model yang boleh memberi panduan kepada mereka dalam aspek menguruskan hubungan dan interaksi. Pelaksanaan aktiviti secara individu atau berkumpulan memudahkan guru mewujudkan hubungan dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian Zakiah, Yeo dan Azlina (2013)¹⁷ menyokong hubungan dan interaksi boleh diwujudkan melalui aktiviti individu kumpulan di mana dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak.

Pengurusan Tingkah Laku

Aspek yang terdapat dalam soalan temu bual pengurusan tingkah laku adalah untuk mengetahui keperluan guru dalam menguruskan peraturan, tingkah laku, dan disiplin kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Analisis temu bual keperluan guru prasekolah dalam menguruskan pengurusan tingkah laku kanak-kanak menunjukkan responden yang ditemu bual tidak menyediakan peraturan yang jelas sebagai panduan dan rujukan untuk memudahkan guru mengurus tingkah laku kanak-kanak di bilik darjah prasekolah. Responden berpendapat tiada makna peraturan disediakan dan dipamerkan sekiranya kanak-kanak tidak boleh membaca. Dapatan kajian yang dijalankan Chong et al, (2017)¹⁸ menunjukkan kepentingan murid mematuhi peraturan supaya mereka dapat menjadi murid yang berdisiplin di dalam bilik darjah. Walaupun tidak boleh membaca, peraturan boleh juga disediakan dalam bentuk simbol atau gambar yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Hal ini selaras dengan teori perkembangan Piaget iaitu kanak-kanak prasekolah yang berada pada tahap Pra Operasi (4 tahun hingga 6 tahun), kanak-kanak pada lingkungan umur tersebut mampu menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan analisis keperluan ini menunjukkan tiada responden menjadikan dokumen panduan atau model untuk menguruskan persekitaran fizikal, perancangan dan pelaksanaan aktiviti/program, hubungan dan interaksi, dan pengurusan tingkah laku. Berdasarkan rumusan pentafsiran analisis keperluan pengurusan bilik darjah prasekolah, responden telah menggunakan pelbagai cara untuk menguruskan bilik darjah prasekolah seperti berdasarkan pengalaman, kursus yang dihadiri, pengetahuan sedia ada, perbincangan dan mengikut cara sendiri, bilik darjah rakan yang dijadikan contoh untuk mengurus bilik darjah, dan terdapat responden mengurus bilik darjah jika perlu. Kesemua responen tidak memberi fokus dari segi ruang, susun atur perabot dan juga pusat pembelajaran supaya bilik darjah prasekolah dapat diurus dengan lebih berkesan dan dapat membantu pembelajaran mengikut tahap perkembangan kanak-kanak.

Dapatan ini telah memberi gambaran bahawa guru prasekolah masih belum jelas dalam menguruskan tingkah laku kanak-kanak guru perlu memberi fokus terhadap pengurusan bilik

darjah. Hal ini disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Abu Hanifah, (2015)¹⁹ menunjukkan bahawa suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pengurusan tingkah laku kerana meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah serta memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Selain itu, kajian oleh Khadijah dan Azimin Samsul (2013)²⁰ juga mendapati kebanyakan bilik darjah yang tidak menyediakan persekitaran yang selesa bagi memenuhi keperluan guru dan murid. Ketidak selesaan dalam bilik darjah boleh mendatangkan pelbagai kesan sampingan terhadap murid dan boleh menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan murid.

Sebagai cadangan daripada dapatan analisis keperluan ini, adalah dicadangkan kajian lanjutan analisis keperluan dijalankan. Analisis keperluan ini hanya bertumpu kepada populasi guru-guru prasekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu, analisis keperluan selanjutnya dicadangkan kepada guru-guru tadika KEMAS, tadika Perpaduan atau tadika swasta untuk mengenalpasti persamaan atau perbezaan berkaitan keperluan membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah sebagai panduan kepada guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah prasekolah.

Oleh itu, berdasarkan dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan, pembangunan model pengurusan bilik darjah prasekolah adalah perlu sebagai panduan serta dapat membantu guru prasekolah mengurus bilik darjah prasekolah seterusnya memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan dengan dapatan keperluan dan seterusnya membangunkan model pengurusan bilik darjah prasekolah benar-benar dapat membantu guru prasekolah KPM sebagai panduan untuk menguruskan bilik darjah prasekolah dengan lebih berkesan.

Rujukan

1. Brophy, J. (1999). Perspectives of classroom management: Yesterday, Today and Tomorrow. In H. Freiberg (Ed.). *Beyond Behaviorism: changing the classroom management paradigm* (pp. 43-56). Boston: Allyn & Bacon.
2. Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*, Kementerian Pelajaran Malaysia.
3. Marzano, R. J. (2003). *Classroom Management that Works: Research-Based Strategies for Every Teacher*. Alexandria, VA, USA. Association for Supervision & Curriculum Development.
4. Brown, A.L. & Campione, J.C. (1996). *Psychological Theory And The Design of Innovative Learning Environments: On Procedures, Principles, And Systems*. In *Innovations in learning: New environments for education*, Schauble & R.Glaser (Eds.), (289-325). Mahwah, NJ: Erlbaum.
5. Wilson, B. G. (1995). Metaphors for instruction: *Why we talk about learning environments*. *Educational Technology* 35 (5):25-30. <http://www.cudenver.edu/~bwilson>
6. Evertson, C. M., & Weinstein, C. S. (2006). *Classroom Management as a Field of Inquiry*. In C.M. Evertson and C. S. Weinstein (Eds.), *Handbook of classroom management: Research, practice, and contemporary issues* (pp. 3–15). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
7. Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. (2010). Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran makmal Sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 19-30.

8. Richey, R. C & Klein, J. D. (2007). *Design and development research : Methods, strategies and issues*. London, UK ; Routledge.
9. Hill, H.C., Rowan, B., & Ball, D.L. (2015). Effects of Teachers' Mathematical Knowledge for Teaching On Student Achievement. *American Educational Research Journal*, 42(2), 371-406.
10. Schonert-reichl, K. A. (2017). *Social and Emotional Learning and Teachers*. Spring 27(1).
11. Manning, M. L., & Bucher, K. T. (2013). *Classroom Management: Models, Applications, and Cases* (3rd ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
12. Hicks, S. D. (2012). *Self-Efficacy and Classroom Management: A Correlation Study Regarding the Factors That Influence Classroom Management*. Doctoral Dissertation. Lynchburg, VA: Liberty University.
13. Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Prasekolah dalam Rangka Pembangunan Tamadun Ummah. *Sains Humanika*, 8(3-2), 21-28.
14. Abdul Halim Masnan. 2014. *Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan*. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
15. Copple, C., & Bredekamp, S. (2009). *Developmentally Appropriate Practice In Early Childhood Programs: Serving children from birth through age 8*. Washington, DC: NAEYC.
16. Harms, T., Clifford, R., & Cryer, D, (2005). *Early Childhood Environment Rating Scale, Revised Edition, Update*. New York.NY.
17. Zakiah, M. A., Yeo, K. J. & Azlina, M. K. (2013). *Persepsi dan amalan guru novis terhadap penggunaan pendekatan belajar sambil bermain*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam The International Conference on Early Childhood and Special Education (ICECSE).
18. Chong, O. S., Mahamod, Z., & Hamzah, M. I. M. (2017). *Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes (Exploring Teaching Methods of Sarawak Malay Language Excellent Teacher: A Case Study)*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM (MAlay Language Journal - MyLEJ)*, 7(Mei), 93–108.
19. Ahmad, N. A. & Abu Hanifah, N. H. (2015). *Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus murid bermasalah pembelajaran*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 30: 73-88.
20. Khadijah Kamaruzzaman & Azimin Samsul Mohd Tazilan. (2013). *Thermal comfort assessment of a classroom in tropical climate conditions*. *Recent Advances in Energy, Environment & Development*, 30(1), 87-91.